

18 JAN 1997

Annuar-PBB

ANNUAR WAKILI DR MAHATHIR KE SIDANG PBB

KOTA BAHARU, 18 Jan (Bernama) -- Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa akan mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Pertama Ketua-ketua Negara mengenai Mikro-Kredit Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dari 2 hingga 4 Feb ini.

Annuar berkata mesyuarat kabinet baru-baru ini memutuskan supaya beliau menghadiri sidang itu yang akan turut disertai semua anggota-anggota PBB bagi membincangkan mengenai isu-isu kemiskinan dunia.

"Pada sidang itu saya akan menyampaikan ucapan bagi pihak Perdana Menteri dan diharapkan pengalamam yang didahului oleh Malaysia dalam menentang kemiskinan dapat membantu memerangi kemiskinan di negara-negara lain," katanya kepada pemberita di Bangunan Umno di sini, hari ini.

Beliau berkata badan dunia itu berhasrat membantu sebanyak 100 juta keluarga miskin di seluruh dunia mulai sekarang hingga tahun 2005.

Annuar berkata Malaysia melaksanakan sistem mikro-kredit sejak 1989 dengan kerjasama pihak swasta terutama bank dan pertubuhan bukan kerajaan bagi membantu keluarga-keluarga miskin menerusi pinjaman kecil-kecilan.

Hasil kelonggaran kredit yang diberikan kepada golongan miskin, beliau berkata ramai daripada mereka menunjukkan kejayaan dalam pelbagai bidang hingga keluar daripada garis kemiskinan dan membantu kerajaan mencapai matlamat mewujudkan kemiskinan sifar di negara ini menjelang tahun 2000.

Pada masa ini terdapat 20,000 keluarga miskin di negara ini dan kementerian sedang menyusun program bagi membantu 4,000 keluarga itu setiap tahun, katanya.

Sementara itu, Annuar berkata pihaknya akan mengisi kekosongan 2,000 jawatan Penyelia Masyarakat yang pengambilannya dibekukan sejak beberapa tahun lepas.

Katanya pengambilan itu yang akan dibuat selewat-lewatnya April ini bertujuan bagi membantu melancarkan aktiviti dan gerakan yang ada serta meningkatkan prestasi Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Pada masa ini, terdapat seramai 14,000 Penyelia Masyarakat yang berkhidmat secara kontrak dengan Kemas dan tambahan 2,000 pekerja itu bertujuan bagi menampung kekosongan yang berlaku di seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau berkata mereka yang layak dengan minima kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia termasuk yang menunggu keputusan SPM, boleh memohon mulai sekarang. -- BERNAMA

RAR NAK